

Newspaper	Utusan Melayu
Date	20/08/2017B

Langkawi kekal pulau bebas cukai

UM - 20/8/2017 pg. 2

LANGKAWI 19 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan Langkawi akan kekal sebagai pulau bebas cukai selagi Barisan Nasional (BN) memerintah negeri ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan terus membangunkan pulau peranginan tersebut sehingga setaraf pusat pelancongan antarabangsa sekali gus memberi limpahan ekonomi kepada penduduk.

"Kita nak bawa Langkawi ke tahap lebih tinggi," katanya dalam Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini hari ini.

Dalam majlis sama, beliau turut melancarkan dua program perumahan rakyat (PPR) di Ulu Melaka dan pekan Kuah, di sini yang melibatkan 1,000 unit rumah dengan peruntukan RM247 juta.

"Projek ini dijangka siap pada 2019 membabitkan pembinaan dua blok rumah sembilan tingkat di Ulu Melaka dan tiga blok rumah 11 tingkat di pekan Kuah.

"Apabila projek perumahan ini siap kita akan laksanakan proses sewa beli bagi menyenangkan orang Langkawi memiliki rumah," katanya.

Jelasnya, projek itu tidak bermotifkan politik kerana per-

Kerajaan akan terus membangunkan pulau peranginan tersebut sehingga setaraf pusat pelancongan antarabangsa sekali gus memberi limpahan ekonomi kepada penduduk. Kita nak bawa Langkawi ke tahap lebih tinggi."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

mahan tersebut sememangnya dalam pelaksanaan dan kontraktor pun sudah memulakan kerja mereka.

Seterusnya, Najib turut melancarkan projek menaik taraf jeti nelayan di Pantai Chenang dengan peruntukan RM9.6 juta yang bakal memanfaatkan lebih 400 nelayan di kawasan ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes berkata, caj perkhidmatan penumpang (PSC) atau lebih dikenali cukai lapangan terbang yang rendah di ne-

gara ini, dapat membantu AirAsia Berhad (AirAsia) memperkenalkan lebih banyak laluan penerbangan baharu.

Katanya, cukai yang rendah itu juga berupaya menarik lebih banyak pelancong ke negara ini khususnya Langkawi menerusi promosi harga tambang murah.

"Kami amat menghargai sokongan Perdana Menteri terhadap AirAsia termasuk langkah mengurangkan kadar cukai lapangan terbang.

"Hari ini kita melihat melalui nilai kepemimpinan Perdana Menteri yang berani, jumlah pelancong antarabangsa meningkat 120 peratus pada 2016 iaitu 187,433 orang berbanding 87,754 orang tahun sebelumnya," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian laluan penerbangan terus AirAsia Langkawi-Shenzen, China yang disempurnakan oleh Perdana Menteri di Kompleks Lang Merah, di sini hari ini.

Menurut Tony, kemasukan pelancong asing tersebut menyumbang sebanyak RM300 juta kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu dan buat pertama kali, jumlah mereka adalah lebih ramai berbanding pelancong tempatan.